

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: CAS - Pusat Pengajian Pengkomputeran
Sent: Thursday, 5 July, 2012 12:59 PM
To: UUM - All Staff
Subject: RALAT: PUSAT PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN TERIMA KUNJUNGAN AKADEMIK
DELEGASI JAZAN UNIVERSITY, SAUDI ARABIA



5 JULY 2012 / 15 SYAABAN 1433H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBrs Prof/Prof Madya/Tuan/Puan

**PUSAT PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN TERIMA KUNJUNGAN AKADEMIK DELEGASI
JAZAN UNIVERSITY, SAUDI ARABIA**





28 Jun 2012: Pusat Pengajian Pengkomputeran menerima satu lawatan akademik dari empat ahli akademik dan 12 pelajar Kolej Komputer Sains dan Sistem Maklumat, Jazan University (JU) dari Arab Saudi pada tanggal 28 Jun 2012. Delegasi yang diketuai oleh Timbalan Dekan, Dr. Saeed Al-Khalidi, telah berada di Malaysia sejak 16 Jun 2012 dalam rangka lawatan ke beberapa institusi pengajian tinggi Malaysia termasuk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Antara tujuan lawatan mereka ialah untuk berbincang mengenai potensi mengadakan kolaborasi antara Jazan University dengan IPT di Malaysia termasuk dari sudut pertukaran pelajar dan pensyarah, dan kerjasama mengadakan penyelidikan dan latihan.

Dalam pertemuan bersama Pengurusan Pusat Pengajian Pengkomputeran, Dr. Saeed Al-Khalidi bersama dua rakan akademik yang lain, Prof. Dr . Mohiadden Ahmed dan En. Abdulmalik Humayed telah mengusulkan beberapa aktiviti bersama bagi mengadakan hubungan pengantarabangsaan dari segi akademik khususnya. Menurut Dr Saeed, dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, dan penyelidikan serta mengantarabangsakan Jazan University, mereka amat mengalu-alukan kehadiran pensyarah UUM samada sebagai pensyarah pelawat atau dipinjamkan untuk sekurang-kurangnya selama satu tahun.

Jazan University, sebuah universiti penyelidikan, mempunyai beberapa kampus cawangan di Jazan, Subya, Abu Harish dan Sautal. Terkini, JU mempunyai sejumlah 44,225 pelajar dan 1713 kakitangan akademik dari pelbagai kolej termasuk Kolej Komputer Sains dan Sistem Maklumat yang menawarkan

Program Komputer Sains dan Program Sistem Maklumat di bawah dua jabatan iaitu Jabatan Sains Komputer dan Jabatan Sistem Maklumat.

Dalam kunjungan ke Pusat Pengajian Pengkomputeran, delegasi JU telah dibawa melawat ke Makmal Penyelidikan Internetworks dan Computing Professional Enrichment & Developing Division (CoPED). Di akhir lawatan, mereka juga berkesempatan melawat sekitar kampus UUM, yang mana telah memberikan satu pendedahan dan pengalaman yang berbeza kepada pelajar-pelajar tersebut.

Pusat Pengajian Pengkomputeran

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 4708/4714

Fax : + 60 (4) 928 4753

Email : computingnet@uum.edu.my

"Working together for the excellence of School, Students, & Staff"

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.